

**KEPUTUSAN PERSIDANGAN
JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1986**

1. **TUJUAN**

Kertas ini dibuat adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) mengenai hukum-hukum agama dan isu-isu semasa yang telah dibuat dalam persidangannya untuk mendapatkan kebenaran Majlis mewartakan keputusan fatwa tersebut dalam Warta Kerajaan.

2. **LATARBELAKANG**

- 2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diwujudkan dari tahun 60an lagi. Dalam jangka masa tersebut Jawatankuasa ini telah banyak menjalankan aktiviti- aktivitinya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya khususnya di Negeri Selangor ini.
- 2.2. Jawatankuasa ini berbincang dengan segala upaya untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan di samping mengeluarkan keputusan-keputusan Fatwa hasil dari pertanyaan orang ramai.
- 2.3. Maka banyak keputusan yang telah dibuat mulai Jawatankuasa ini mula memainkan fungsinya hinggalah ke hari ini.
- 2.4. Di dalam kertas ini mengandungi keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang telah dibuat dalam tahun 1986 untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor dan mendapat kebenaran untuk mewartakan dalam warta Kerajaan.

3. **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara-adalah dipilih daripada mereka yang mempunyai ketokohan serta mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) yang dinyatakan dibawah adalah ahli jawatankuasa bagi tahun 1986. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

1. SS Dato' Hj. Ishak bin Baharom - Pengerusi
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.
2. Tuan Haji Abu Naimbin Hj. Ikhsan - Timbalan Pengerusi
SF Kadi Besar Negeri Selangor
3. SS. Dato' Hj. Mahmad Muhtar bin Hj. Mahmad Salleh - Ahli
Pengarah, Jabatan Agama Islam Selangor
4. Tuan Haji Mohd Ishak bin Haji Mohd Yaacob - Ahli
SF Timbalan Kadi Besar, Selangor
5. YB Tuan Ahmad Fairuz bin Dato' Sheikh Abdul Halim, - Ahli
YB Penasihat Undang-undang
6. Tuan Haji Jamaudin bin Omar - Ahli
Pesara
7. Ustaz Ahmad bin Haji Yusuf - Ahli
Guru
8. Tuan Haji Jaafar bin Md. Noh - Ahli
Pesara
9. Tuan Haji Mohd Toha bin Haji Omar - Ahli
Pesara
10. Ustaz Tamyis bin Abdul Wahid - Ahli
Guru
11. Prof Madya Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman - Ahli
Pensyarah UIA
12. Ust. Ahmad Dahlan bin Hj. Abdul Manan - Ahli
Pesara

Setiausaha/Urusetia

Mulai tahun 1985, Setiausaha bagi Jawatankuasa ini adalah Penolong Pengarah, Bahagian penyelidikan JAIS dan Bahagian penyelidikan menjadi urusetia bagi Jawatankuasa ini. Mereka yang pernah menjawat jawatan setiausaha adalah seperti berikut :

1. Tuan Haji Turmudi bin Surif
2. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Abdul Rashid
3. Tuan Haj i Khairuddin bin Haj i Abdul Samad
4. Tuan Haji Aluwi bin Parman.

4. **KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT TAHUN 1986**

1. Menetapkan harga zakat fitrah tahun 1406/1986.
2. Hukum Berjumaat di Tingkat Bawah Masjid Kompleks Jemaah Haji, Kelana Jaya.
3. Hukum Membangunkan Tapak Bekas Masjid Lama.
4. Hukum memindahkan kubur lama untuk pembesaran jalan di Simpang 5, Klang.
5. Masalah suami melafazkan talak.
6. Mengenai Hadis - Satu Penilaian Semula oleh Kassim Ahmad.
7. Mengenai Pinggan Kaca Berukir / Bertulis Bismillah dan Alhamdulillah.
8. Masalah Berbuka di tempat Tinggi.
9. Pembinaan Masjid Baru Kg. Medan, Kuala Langat.
10. Bagaimana Caranya Koperasi Mengeluarkan Zakat.
11. Bayaran imbuhan Kepada Pegawai-pegawai Masjid.
12. Penetapan Harga zakat Fitrah Bagi tahun 1407H/1986M.
13. Masalah Suami melafazkan taklik.
14. Hukum Mengkuburkan Mayat di Bekas Tapak Masjid.
15. Pertanyaan Perbicaraan Berkenaan Kes Zina di Mahkamah Kadi Besar.

5. **CADANGAN**

Keputusan-keputusan Fatwa ini dikemukakan kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor untuk makluman dan kebenaran untuk diwartakan dalam warta Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,
Bahagian Penyelidikan,
Urusetia,
Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa)
Negeri Selangor Darul Ehsan.

TAHUN 1986

Bil	Perkara	Mukasurat
1.	Menetapkan harga zakat fitrah tahun 1406/1986 bagi Negeri Selangor.	6
2	Hukum Berjumaat di Tingkat Bawah, Masjid Kompleks Jemaah Haji, Kelana Jaya	8
3.	Hukum Membangunkan Tapak Bekas Masjid Lama	11
4.	Hukum memindahkan kubur lama untuk pembesaran jalan di Simpang 5, Klang.	12
5.	Masalah suami melafazkan talak	13
6.	Mengenai Hadis - Satu Penilaian Semula oleh Kassim Ahmad	15
7.	Mengenai Pinggan Kaca Berukir/Bertulis Bismillah dan Alhamdulillah	23
8.	Masalah Berbuka di tempat Tinggi	25
9.	Pembinaan Masjid Baru Kg. Medan, Kuala Langat	27
10.	Bagaimana Caranya Koperasi Mengeluarkan Zakat	30
11.	Bayaran 1mbuhan Kepada Pegawai-pegawai Masjid	32
12.	Penetapan Harga zakat Fitrah Bagi tahun 1407H/1986M	34
13.	Masalah Suami melafazkan taklik	36
14.	Hukum Mengkuburkan Mayat di Bekas Tapak Masjid	37
15.	Pertanyaan Perbicaraan Berkenaan Kes Zina di Mahkamah Kadi Besar	39

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1406H/1986M**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima cadangan daripada Bhg. Baitulmal/Zakat bagi mendapatkan pengesahan fatwa mengenai penetapan harga fitrah bagi tahun 1406H/1986M.

Zakat fitrah yang ditetapkan mengikut sukatan beras yang diwajibkan mengikut hukum syara' iaitu seberat 3 kati 16 tahlil atau 2.27 Kilogram.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

" Bahawa Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya telah mengambil keputusan bahawa harga zakat fitrah bagi tahun ini (1406H/1986M) adalah seperti berikut :

- a) Orang Yang Makan Beras A1
Fitrahnya - 2.31 kilo (3 kati 12 tahlil)
 $2.31 \text{ kilo} \times \text{RM } 1.07 = \text{RM } 2.50$

- b) Orang Yang Makan Beras A2
Fitrahnya - 2.31 kilo (3 kati 12 tahlil)
 $2.31 \text{ kilo} \times \text{RM } 0.99 = \text{RM } 2.30$

c) Orang Yang Makan Beras A3

Fitrahnya - 2.31 kilo (3 kati 12 tahlil)

$2.31 \text{ kilo} \times \text{RM } 0.91 = \text{RM } 2.10$

Ahli persidangan mengambil keputusan 3 peringkat pembayaran ini adalah berdasarkan kepada hukum yang dikehendaki oleh Islam dan jenis makanan seseorang itu pada kebiasaannya, disamping itu, mengambil kira keadaan ekonomi negara kita yang merosot yang banyak ditanggung oleh masyarakat kampung dan petani yang terdiri dari orang-orang Islam. Ahli Persidangan juga memberi pandangan untuk membuat kupon (resit) pembayaran tersebut iaitu dengan satu resit sahaja dan dicatatkan di dalamnya dengan 3 peringkat harga yang tersebut apabila pembayaran hendak dibuat yang telah tersebut oleh pembayar. maka potong sahajalah yang tidak berkenaan.

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 25 Januari 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
MENGENAI HUKUM BERJUMAAT DI TINGKAT BAWAH
MASJID KOMPLEKS IBADAH HAJI, KELANA JAYA**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Tuan Haji Hanafi bin Haji Zainuddin, Setiausaha, Jawatankuasa Bersama (Tabung Haji & Pusat Islam) merangkap Penasihat Haji, Ibu Pejabat LUTH, Kuala Lumpur yang inginkan Fatwa dan nasihat mengenai hukum berjumaat di tingkat bawah Masjid Kompleks Jemaah Haji, Kelana Jaya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dan membahaskan perkara di atas dengan teliti dan panjang lebar dari segala aspeknya, dan mengambil keputusan seperti berikut :

1.1. Jikalau sekiranya di tingkat bawah tempat makmum-makmum sembahyang di kira masjid juga seperti tingkat atas, maka hukumnya sahlah sembahyang sekalian makmum yang dibawah itu dengan syarat ada jalan bagi makmum-makmum itu untuk sampai ke tempat imam, sekiranya mereka hendak pergi mendapatkan imam, walaupun orang yang berjalan untuk sampai kepada imam itu terpaksa membelakangkan kiblat sekalipun, mengikut satu qaul daripada ulama.

1.2. Jika sekiranya di tingkat bawah tempat makmum sembahyang itu tidak dikirakan (dinamakan) masjid, maka untuk menghukumkan sah sembahyang mereka itu, hendaklah ada beberapa syarat iaitu :

Pertama : Janganlah ada jarak jauh antara tepi masjid tingkat atas itu dengan barisan pertama makmum yang bawah melebihi daripada tiga ratus hasta.

Kedua : Hendaklah ada jalan yang boleh menyampaikan makmum itu ke tempat imam, sekiranya mereka hendak pergi mendapatkan Imam tanpa membelakangkan kiblat.

2. Jika sekiranya permasalahan tuan itu seperti yang kedua, maka tidaklah sah sembahyang makmum yang di tingkat bawah samada sembahyang Jumaat ataupun sembahyang waktu kerana sekiranya makmum-makmum yang di bawah kalau hendak mendapatkan Imam terpaksa berjalan menaiki tangga dengan membelakangkan kiblat.
3. Adapun sembahyang mereka di tingkat bawah masa lampau (kami AJK Fatwa) berpendapat hukumnya sah Insya Allah kerana mereka semua belum tahu hukumnya di waktu itu.

NASIHAT DAN PANDANGAN JAWATANKUASA

Jika ada cadangan untuk menjadikan tingkat bawah itu masjid maka hendaklah tandas dan bilik air yang ada itu dipindahkan ke tempat lain.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 19 April 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MEMBANGUNKAN TAPAK BEKAS MASJID LAMA**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada penolong Pengarah, Bahagian Masjid & Kemasyarakatan JAIS yang bertanyakan hukum berkenaan dengan cadangan Ahli Jawatankuasa Masjid Batu 10, Cheras yang ingin membangunkan tapak bekas Masjid lama yang telah dirobohkan.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dengan teliti dan mengambil keputusan seperti berikut :

"Setelah dibahaskan dan dibincangkan dengan panjang lebar, maka Majlis Fatwa berpendapat dan memutuskan, bahawa bekas tapak masjid yang diruntuhkan tidak harus/tidak boleh dibangunkan atau didirikan sebarang bangunan di atasnya melainkan Masjid sahaja."

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 19 April 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MEMINDAHKAN KUBUR LAMA DI SIMPANG 5,
KLANG UNTUK PEMBESARAN JALAN**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diajukan dengan persoalan mengenai tanah perkuburan Islam di Simpang Lima, Klang yang terlibat dengan projek pembesaran jalan, yang mana ada kubur lama yang terlibat dengan projek pembesaran tersebut terpaksa dipindahkan ke tempat lain.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan mengambil keputusan seperti berikut :

"Majlis Fatwa memutuskan bahawa hukumnya harus (boleh) memindahkan kubur orang Islam yang terlibat dari tanah perkuburan tersebut ke tanah perkuburan yang lain untuk pembesaran jalan dengan syarat jika mayat-mayat dalam kubur yang hendak dipindahkan itu sudah hancur sama sekali, jika sekiranya mayat-mayat yang terlibat belum hancur jasadnya, maka hukumnya haram menggali dan memindahkan ke tempat lainnya".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 19 April 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
MASALAH SUAMI MELAFAZKAN TALAK**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada AF Tuan Kadi Klang yang bertanyakan berkenaan dengan talak yang telah dilafazkan oleh seorang suami yang berbunyi seperti berikut :

"Ya Allah, Ya Tuhanku sesungguhnya aku tidak berniat menceraikan isteriku, tetapi oleh kerana dugaanmu yang Maha Besar aku terpaksa menceraikan isteriku. "

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan mengambil keputusan seperti berikut

1. Setelah dibahaskan dalam Majlis Fatwa yang diadakan pada tanggal 19 April 1986 akan lafaz yang tersebut : Ya Allah, Ya Tuhanku sesungguhnya aku tidak berniat menceraikan isteriku, tetapi oleh kerana dugaanmu yang Maha Besar aku terpaksa menceraikan isteriku, maka hukumnya jatuh talaknya."
2. Adapun perkataan "terpaksa" yang didapati dalam ayat talak itu, tidak menghalang dari gugurnya talak, kerana tidak termasuk dalam makna terpaksa yang sah pada pandangan Syara'."

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 19 April 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HADIS - SATU PENILAIAN SEMULA OLEH KASSIN AHMAD**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk membincangkan perkara berkenaan dengan buku yang dikarang oleh Kassim Ahmad yang bertajuk "Hadis: Satu Penilaian Semula".

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan pandangan dan fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Dalam perbincangan yang dibentangkan kepada semua ahli, masing-masing mengemukakan pandangan dan pendapat bahawa pengarang buku tersebut banyak melakukan kesalahan dan kekeliruan dalam mengambil hujjah yang dikemukakan terutama dalam soal akidah dan hukum syara', di samping itu juga pengarang cuba menghina dan merendah-rendahkan kemampuan para ulama' yang muktabar dalam Islam. Selain dari itu pengarang juga hanya mengakui hadis layak sebagai dokumen sejarah sahaja, pengakuan pengarang bahawa "Ada hadis yang benar dan berasal dari Nabi" selepas wafat Nabi hadis adalah kuasa palsu.

Di bawah ini diturunkan beberapa kelemahan, kesilapan dan kesalahan yang jelas bertentangan dengan Islam.

1. Hadis adalah satu rekaan orang-orang jahat termasuklah Imam Syafie dan Sunan Sittah pada abad ke 2 hijrah yang dikatakan percakapan Nabi.
2. Timbulnya hadis adalah untuk tujuan politik, kepentingan peribadi, kebendaan dan fahaman kepuakan.
3. Ayat-ayat Al-Quran tidak ditulis dengan lafaznya yang asli tetapi dengan maknanya sahaja dan begi tu juga nama surah.

4. Pengarang tidak memberi penghormatan kepada Rasulullah S.A.W. hanya dengan menyebut beliau sahaja.
5. Nabi Muhammad S.A.W. tidak mempunyai syafaat dan juga mukjizat.
6. Hukum zina orang yang telah berkahwin tidak ada disebut dalam Al-Quran, sembahyang lima waktu dan juga kaifiatnya.
7. Buku-buku rujukan banyak diambil dari orang-orang barat/Orientalis seperti :
 1. Herbert J. Liebesny.
 2. I Goldziher.
 3. A Guillaume.
 4. E. J. Brill
 5. Von Deffer.
8. Hadis/Sunnah adalah punca kekeliruan dan perpecahan yang terbesar di kalangan umat Islam selama lebih seribu tahun.
9. Saranan pengarang supaya jangan mendewa-dewakan Muhammad dan ini jelas bertentangan dengan ayat Quran yang berbunyi :
10. Pengarang buku ini menolak hadis adalah dengan cara yang halus, secara logik akal dengan mencari keraguan keraguan yang boleh diterima oleh orang lain.
11. Banyak ayat-ayat Al-Quran yang diterjemah tidak tepat mengikut tujuan yang sebenar.
12. Hadis adalah satu kuasa yang mencengkam umat Islam yang membawa kepada berlaku kelemahan, kemunduran, perpecahan dan tidak maju.
13. Menuduh Imam Syafie menyelewengkan hadis dan menyamakan Hadis/sunnah dengan Al-Quran.
14. Kelemahan pengarang dapat dil ihat pada muka 16, mengatakan bahawa kemunduran umat Islam ialah kerana berpegang kepada hadis tetapi beliau juga mengaku kemajuan negara-negara Islam hari ini dan juga di mana Khulafa Al-Rasidin.
15. Terdapat juga kesalahan pengarang mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran jauh dari makna yang sebenar contohnya seperti roh dan hikmah itu adalah Al-Quran. Dalam ayat yang lain;

- Surah Al-Anfal: 35 - diertikan "Solat mereka dirumah suci tidak lain daripada penipuan dan kesesatan" (lihat muka 45 para 3)
 - Surah Al-Haryr: 7 - diertikan "Apa-apa harta rampasan perang yang diberi oleh Rasul kepadamu hendaklah kamu terima, dan apa yang ditegahnya hendaklah kamu tinggalkan ". (lihat muka 37 para 3).
16. Penolakan kita terhadap hadis/sunnah sebagai perundangan adalah sebagai berikut :
 1. Quran kita sudah lengkap, sempurna dan terperinci tidak memerlukan lagi kitab-kitab lain untuk menyempurnakannya.
 2. Tugas Nabi Muhammad semata-mata menyampaikan Quran dan tak lebih dari itu.
 3. Hadis merupakan pandangan dan pendapat manusia yang tidak terjamin kebenarannya. Ia tidak lebih daripada tekaan dan agakan,
 4. Ibadah-ibadah sembahyang, puasa, zakat dan haji bukan disampaikan melalui hadis, tetapi amalan turun temurun daripada nabi Ibrahim.
 17. Orang-orang yang mempercayakan hadis / sunnah atau meletakkan hadis sama dengan Al-Quran adalah syirik. (lihat muka 56 para 2).
 18. Menolak syariat dan sunnah yang dibawa oleh Nabi, kerana Nabi diutus itu banyak bergantung kepada faktor-faktor kebudayaan, pendidikan, masa dan tempat serta perbuatan, sekiranya Nabi itu dilahirkan berbangsa Cina tentu mengikut cara kelakuan Cina jadi kelakuan itu sedikitpun tidak kena mengena dengan soal akidah, pegangan, pendirian dan perjuangan seseorang. (lihat muka 49)
 19. Jangan mempertikaikan bentuk kaedah. Bentuk dan kaedah tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuan. Apa yang penting ialah kebaikan dan kejujuran untuk melakukan kebaikan.
 20. Satu perkara yang kurang sopan menghina ulama'-ulama' sebagai ulama' jumud dan anti sains.
 21. Hadis diletakkan sebagai laporan sejarah -sama seperti sejarah-sejarah lain (lihat muka 106 para 3)
 22. Hadis sebagai omong kosong dan memperolok-olokkan Allah dan Rasul.

"Sudahlah nyata bahawa banyak hadis di dalam Enam buku Sahih' ialah "omong kosong untuk menyesatkan manusia dari jalan Allah tanpa pengetahuan, dan untuk memperolok-olokkannya" seperti yang diterangkan oleh Quran dengan begitu tepat, padat dan cantik. Sekarang terpaksalah kita mengaku bahawa hadis/sunnah tidak boleh kita pegang sebagai autoriti dan sebagai sumber perundangan dan akidah "

- 2.2. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang bersidang hari ini dengan sebulat suara mengambil keputusan bahawa Buku Kassim Ahmad – Hadis Satu Penilaian Semula adalah seperti berikut :

"HADIS - SATU PENILAIAN SEMULA"
KASSIM AHMAD

Majlis Fatwa Negeri Selangor yang bersidang hari ini 21 Syawal 1406 bersamaan 28 Jun 1986, mengambil keputusan bahawa buku "Hadis - Satu Penilaian Semula" yang dikarang oleh Kassim Ahmad pada prinsipnya mengutarakan pendapat bahawa hadis dan sunnah tidak boleh diterima sebagai sumber dalam Undang-undang Islam. Ini mengikut pendapat Majlis Fatwa Negeri Selangor adalah bertentangan dengan akidah dan hukum syara'.

Adalah didapati dalam buku tersebut banyak perkara perkara dan pendapat yang bertentangan dengan Islam antaranya ialah :

1. Pentafsiran beberapa ayat Al-Quran yang ditafsirkan tidak tepat dan jauh terpesong dan terkeluar dari pengertian yang sebenar.
2. Penghujahan-penghujahan yang amat mengelirukan dan boleh menyesatkan umat Islam, contohnya dari saranan beliau "Jangan mempertikai bentuk dan kaedah. Bentuk dan kaedah tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuan. Apa yang penting ialah kebaikan dan kejujuran untuk melakukan kebaikan".
3. Pengarang juga berpendapat bahawa umat Islam berlaku kelemahan, kemunduran, perpecahan, ditindas dan dijajah disebabkan pegangan ajaran palsu yang dikaitkan kepada Nabi Muhammad iaitu "Hadis".

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Selangor sebulat suara mengharamkan buku tersebut dan akan mengambil tindakan di bawah Seksyen 169 dan 172 mengikut Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam 3/1952.

Jawatankuasa Fatwa Selangor akan mengeluarkan hujah-hujah yang terperinci sedikit masa lagi bagi membuktikan isi kandungan buku itu bertentangan dengan hukum syara' di samping itu juga Jawatankuasa Fatwa Selangor mendesak supaya pihak yang berkenaan mengambil tindakan mengharamkan percetakan, penyimpanan dan pemilikan akan buku tersebut.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 20 Syawal 1406 bersamaan 28 Jun 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PINGGAN KACA BERUKIR/BERTULIS BISMILLAH DAN ALHAMDULILLAH**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan berkenaan dengan Hukum pinggan kaca berukir bertulis dengan perkataan Bismillah dan Alhamdulillah digunakan untuk alat makanan harian atau perhiasan.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

1. Jika digunakan untuk perhiasan semata-mata, hukumnya adalah diharuskan kerana ia tidak didapati unsur-unsur penghinaan atau merendahkannya dan diletakkan di tempat yang tinggi.
2. Jika digunakan untuk makan atau kegunaan harian, hukumnya adalah haram kerana pinggan ini akan digunakan bercampur dengan orang-orang bukan Islam dan orang yang suci atau berhadas.

Firman Allah Taala

Di samping itu terdapat juga dilihat sebagai satu penghinaan atau meringan-ringan ayat Al-Quran yang boleh seseorang itu menjadi terkeluar dari Islam seperti disebut dalam kitab Al-Majmuk Surah Al-Mahzab Lisyairazi, Juzuk 2, Muka 196 :

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 6 September 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
MASALAH BERBUKA PUASA DI TEMPAT YANG TINGGI**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan berkenaan dengan masalah berbuka puasa di tempat yang tinggi.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan permasalahan ini dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan mengambil keputusannya seperti berikut :

"Bahawa seseorang yang berpuasa itu apabila ia berbuka mestilah terbenamnya matahari. "

Firman Allah :

Dari ayat ini jelaslah bahawa setiap orang yang berpuasa itu apabila ia berbuka mestilah yakin tenggelamnya matahari di tempat di mana ia berada samada di atas (dalam penerbangan atau lainnya) atau di bawah (di bumi).

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 18 Oktober 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
FATWA BERHUBUNG PEMBENAAN MASJID BARU KG MEDAN, KUALA LANGAT**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Jawatankuasa Masjid berkenaan yang bertanyakan berhubung dengan pembenaan masjid baru kampung tersebut.

Permasalahan yang ditimbulkan adalah seperti berikut :

1. Ahli Jawatankuasa Masjid bersetuju pembenaan Masjid baru di tapak yang sedia ada luasnya 1 ekar lebih,
alasanya : Tapak masjid yang sedia ada wakaf khas dan wakaf orang ramai yang wajib dijaga dan dipelihara kehormatannya dan kesuciannya. Orang ramai pula bersetuju pembenaan masjid baru itu ditapak yang baru (tanah diberi oleh Kerajaan seluas 5 ekar) jaraknya 15 rantai, dengan alasan : kepentingan ummah dari jangka masa panjang iaitu pertambahan penduduk tempatan kerana adanya projek perumahan di kawasan berhampiran dan dapat mengatur berbagai-bagai kemudahan seperti halaman letak kereta, bangsal memasak dan lain-lain.
2. Melihat dari masalah di atas untuk jangka masa panjang dengan dibena masjid di tempat yang baru (tanah kerajaan seluas 5 ekar) soal lain pula timbul iaitu :
 - a) Bolehkah dirobohkan masjid yang sedia ada supaya tidak timbul perpecahan dan dua sembahyang Jumaat dalam satu qariah.
 - b) Bagaimana menjaga kehormatan, kesucian masjid yang sedia ada dan tapak wakaf khas masjid dan siapa pula yang memikul tanggungjawab ini selama-lamanya.
 - c) Adakah tawakuf (terhenti) pahala amal jariah si pewakaf jika tidak digunakan lagi.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dengan teliti dan mengambil kira beberapa aspek tertentu dan hasil perbincangan tersebut, Ahli Jawatankuasa telah mengambil keputusan seperti berikut :

1. "Masjid baru yang dicadang hendak dibena itu hendaklah didirikan di atas tapak yang baru (tanah 5 ekar) yang diberi oleh Kerajaan. Ini memandangkan kerana kemasalahatan ummah di masa akan datang.
2.
 - a) Masjid yang lama tidak perlu dirobohkan, Jabatan Agama Islam Selangor akan mengarahkan supaya tidak dibenarkan mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid lama.
 - b) Kehormatan dan kesucian masjid lama itu hendaklah terus dipelihara sebagai sebuah masjid. Dan ahli Jawatankuasa yang baru hendaklah bertanggungjawab diatas keselamatan dan kehormatan masjid yang lama itu. "
 - c) Untuk meneruskan pahala amal jariah orang dahulu, maka dibenarkan di masjid lama itu untuk mendirikan sembahyang waktu sahaja.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 18 Oktober 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
BAGAIMANA CARANYA KOPERASI MENGELUARKAN ZAKAT**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan berkenaan dengan bagaimana caranya koperasi mengeluarkan zakatnya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti.

2.2. Setelah dilihat dan dikaji permasalahan yang dikemukakan itu, majlis Fatwa mengambil keputusan bahawa jika pihak koperasi mempunyai harta tetap (yang tidak diperniagakan) dan tidak berniat untuk dijual maka ia tidak wajib dikenakan zakat, tetapi sekiranya harta tersebut mengeluarkan hasil dan cukup nisab dan haulnya maka ia wajib dikeluarkan zakat.

Tersebut dalam kitab :

Adapun jika harta-harta itu diniatkan untuk berniaga (mencari keuntungan) maka ia wajib dikenakan zakat.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 18 Oktober 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
BAYARAN IMBUHAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI MASJID**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara (Fatwa) telah menerima satu pertanyaan berkenaan dengan bayaran imbuhan kepada pegawai-pegawai Masjid.

Persoalan yang ditimbulkan adalah seperti berikut :

1. Apakah hukum Syara', apabila berhenti seseorang itu dari jawatannya berkhidmat dengan Masjid perlu diberi saguhati bulanan (menyerupai skim pensen) sehingga akhir hayatnya kerana mengenang jasanya.
2. Adakah dibenarkan hukum syara', seorang yang berhenti dari berkhidmat dengan masjid diberi peruntukan saguhati (sekali bayaran sahaja) bagi mengenang jasanya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan mengambil keputusan seperti berikut :

1. Jika imbuhan yang hendak dibayar kepada pegawai-pegawai masjid yang bersara itu diambil dari harta wakaf masjid, maka hukumnya tidak harus sama sekali dengan apa cara sekalipun, samada imbuhan yang diberi tiap-tiap bulan atau sekali bayaran sahaja.

2. Jika imbuhan itu bukan dari harta wakaf masjid (derma orang ramai) maka tidak boleh juga diberi kepada mereka, melainkan dengan syarat mendapat persetujuan lebih dahulu dari semua ahli-ahli qariah masjid dengan melalui mesyuarat agong atau dengan apa-apa cara sahaja. Adapun jika imbuhan yang hendak diberi kepada mereka merupakan pemberian sekali bayaran sahaja sebagai mengenang jasa-jasa mereka, maka hendaklah diberi dengan persetujuan dari mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa masjid sahaja.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 18 Oktober 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1407H/1986M**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima cadangan daripada Bhg. Baitulmal/Zakat bagi mendapatkan pengesahan fatwa mengenai penetapan harga fitrah bagi tahun 1407H/1986M.

Zakat fitrah yang ditetapkan mengikut sukatan beras yang diwajibkan mengikut hukum syara' iaitu seberat 3 kati 16 tahlil atau 2.27 Kilogram.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dalam perkara tersebut dan mengambil keputusan adalah seperti berikut

" Majlis mesyuarat Jawatankuasa Undang-undang (Fatwa) yang telah membincangkan dengan penuh teliti berdasarkan kepada hukum syara' sebulat suara bersetuju bahawa harga zakat fitrah bagi tahun ini (1407H) adalah seperti di bawah ini :

- a) Orang Yang Memakan Beras Al, Fitrahnya adalah sebanyak
2.27 kilogram (3 kati 12 tahlil).
2.27 kilogram x RM 1.07 = RM 2.50

b) Orang Yang Makan Beras A2, Fitrahnya adalah sebanyak
2.27 kilogram (3 kati 12 tahlil).

$$2.27 \text{ kilogram} \times \text{RM } 0.99 = \text{RM } 2.30$$

c) Orang Yang Makan Beras A3, Fitrahnya adalah sebanyak
2.27 kilogram (3 kati 12 tahlil)

$$2.27 \text{ kilogram} \times \text{RM } 0.91 = \text{RM } 2.10$$

Ahli persidangan mengambil keputusan 3 peringkat pembayaran ini adalah berdasarkan kepada hukum yang dikehendaki oleh Islam dan jenis makanan yang dimakan oleh seseorang itu pada kebiasaannya, Seseorang itu bolehlah mengeluarkan zakat fitrahnya dengan wang, dengan syarat yang tersebut di atas. Di samping itu Jawatankuasa juga membuat keputusan ini adalah mengambil kira keadaan ekonomi dan pendapatan masyarakat Islam yang kebanyakannya tinggal di luar bandar'.

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 15 November 1986 bersamaan 13 Rabiul Awal 1407.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
MASALAH SUAMI MELAFAZKAN TAKLIK**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Sepasang suami isteri telah membuat pengaduan ke Pejabat Kadi yang menyatakan bahawa suami telah melafazkan taklik yang berbunyi

"Kali ini kalau gugur (hamil) saya ceraikan awak."

Masalah ini telah dirujukkan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' untuk difatwakan.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan ahli Jawatankuasa berpendapat, Bahawa lafaz yang disebutkan di atas itu adalah tidak membawa kepada hukum jatuhnya talak, kerana lafaz yang disebutkan itu hanyalah ia berazam untuk menceraikan sahaja.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 13 Rabiul Awal 1407 bersamaan 15 November 1986.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MENGKUBURKAN MAYAT DI BEKAS TAPAK MASJID**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan berkenaan dengan apakah hukumnya mengkuburkan mayat dibekas tapak Masjid.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah membincangkan masalah tersebut dengan detail dan mengambil keputusan adalah seperti berikut :

"Bahawasanya, tidak dibolehkan menggunakan tapak masjid atau bekas tapak masjid, melainkan untuk masjid sahaja, kerana masjid itu adalah tempat yang suci dan pasti dipelihara kesuciannya dan kehormatannya. Oleh itu tidaklah seharusnya mengkuburkan sebarang mayat di tapak masjid atau bekas tapak masjid.

Tersebut dalam kitab Sabil Muhtadin, Juzuk kedua muka surat 85 :

"Dan demikian lagi, jika ditanam ia pada bumi masjid, wajib dibongkar akan dia supaya dipindahkan ia kepada tempat yang lain. "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 15 November 1986 bersamaan 13 Rabiul Awal 1407.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERTANYAAN PERBICARAAN BERKENAAN KES ZINA
DI MAHKAMAH KADI BESAR, SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan berkenaan perbicaraan berkenaan kes-kes zina di Mahkamah Kadi Besar.

Pertanyaan tersebut adalah seperti berikut :

"Mengapa Mahkamah Kadi Besar Selangor tidak membicarakan dan menghukum kesalahan berzina di bawah fasal 158 pecahan 3.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membahaskan perkara di atas dengan penuh teliti dan panjang lebar serta mengambil kira dari segi kuasa (Undang-Undang) dan hukum syara' adalah seperti berikut :

1. Malah mengikut peruntukkan perkara 158 (3) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 3/1952 yang diberi kuasa kepada peruntukkan tersebut adalah perlu dilaksanakan.
2. Majlis Fatwa dalam hal ini adalah sependapat bahawa hukuman hudud adalah wajib dilaksanakan ke atas mereka yang didapati bersalah, tetapi oleh kerana berdasarkan kepada Undang-undang tersebut, maka hukuman yang dikenakan itu sahajalah yang dapat dilaksanakan. "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 15 November 1986 bersamaan 13 Rabiul Awal 1407.